



conference proceeding



# SIMPOSIUM NUSANTARA<sup>9</sup>

THE 9TH REGIONAL SYMPOSIUM OF THE MALAY ARCHIPELAGO  
*Revisit Islamic Civilization and Built Environment In The Malay World*

11 & 12 December 2012  
Al-Khawarizmi Lecture Hall  
UiTM(Perak)

Organized by:  
Centre for Knowledge & Understanding of Tropical Architecture & Interior (KUTAI)  
Centre for Islamic Thought & Understanding (CITU)  
Centre for Architecture, Planning & Surveying (FSPU)  
Faculty of Architecture, Planning & Surveying (Perak)  
Universiti Teknologi MARA (Perak)  
<http://perak.uitm.edu.my/simp09>



FSPU

PAPER CODE : HP409

# MIGRASI SEBAGAI KEPUTUSAN TINGKAH LAKU UNTUK MENCAPAI KEPUASAN HIDUP: SUATU KAJIAN EMPIRIKAL

**Mohd Fadzil Abdul Rashid**

*Fakulti Senibina, Perancangan & Ukur, Universiti Teknologi MARA (Perak), Malaysia mohdf032@perak.uitm.edu.my*

---

## Abstrak

Kertas kerja ini menilai faktor-faktor keputusan tingkah laku migrasi dan menghurai perkaitannya dengan faktor kepuasan hidup di Wilayah Lembah Klang, Malaysia. Hasil penelitian mendapati bahawa faktor-faktor utama keputusan migrasi adalah berkait rapat dengan faktor untuk mencapai kepuasan hidup. Faktor-faktor tersebut seperti untuk memiliki kediaman sendiri yang dimampui, kediaman baru dan tempat baru, menikmati kehidupan dengan kos sara hidup yang dimampui, berdekatan dengan tempat kerja, persekitaran fizikal dan komuniti serta sosial yang harmoni dan sebagainya. Berikutan ini fenomena migrasi tidak boleh disekat tetapi ia perlu dihadapi dengan suatu perancangan yang boleh memenuhi keperluan migrasi di masa depan.

**Kata Kunci:** Lembah Klang, migrasi dalaman, keputusan migrasi, kepuasan hidup

---

## 1. Pengenalan

Tingkah laku migrasi merupakan antara fenomena spatial yang dinamik. Ini dilihat kepada interaksi dinamik yang berlaku di antara kawasan origin dan destinasi migrasi. Tingkah laku migrasi ini tidak berkecuali berlaku di kawasan bandar mahupun di kawasan luar bandar. Kawasan bandar selalu dikaitkan sebagai kawasan bertumpu migrasi kerana pelbagai faktor. Kawasan luar bandar juga turut menerima migrasi kerana pelbagai faktor. Ini menjelaskan bahawa tingkah migrasi ini dicituskan oleh pelbagai faktor sama ada dari aspek demografi dan sosio-budaya, ekonomi-spatial dan sosial-spatial.

Berikutan itu, umumnya, tingkah laku migrasi terutamanya migrasi dalaman ini tidak boleh disekat. Melihat kepada kepada faktor-faktor migrasi, menyekat migrasi seumpama suatu usaha untuk menghalang manusia untuk mengubah destini. Selain itu, tidak mudah juga untuk menghalang migrasi. Ada fakta yang menunjukkan bahawa negara-negara yang cuba untuk menghalang migrasi seperti China, Vietnam, Indonesia dan Thailand tetapi akhirnya menemui kegagalan (Dang, 2003; Skeldon, 1997). Ini tidak lain kerana keputusan tingkah laku migrasi mempunyai hubungan langsung dengan faktor keperluan dan kehendak hidup manusia. Di China seumpamanya, ramai manusia yang sanggup menjadi pengemis bandar atau dikenali sebagai 'floating people' semata-mata untuk mendapatkan peluang di bandar.


Kertas kerja ini mencuba untuk menjelaskan pentingnya migrasi khususnya bagi mencapai kepuasan hidup. Untuk itu, kertas kerja ini akan menilai faktor-faktor keputusan tingkah laku migrasi dan menghurai perkaitannya dengan faktor kepuasan hidup khususnya bagi masyarakat di bandar. Wilayah Lembah Klang, Malaysia dijadikan sebagai kajian kes. Hasil penelitian ini boleh membantu pembuat keputusan atau pengawal polisi untuk memahami keperluan dan kehendak migrasi bagi tujuan perancangan pembangunan di masa depan. Ini berikutan migrasi menjadi pemangkin kepada pertumbuhan sesuatu kawasan. Sebaliknya juga, migrasi sebagai pencetus kepada permasalahan di bandar atau di luar bandar sekiranya ia tidak dihadapi dengan suatu perancangan yang rapi. Di Malaysia, tidak ramai pengkaji terdahulu yang memberi tumpuan kepada perkara ini. Maka, kertas kerja ini mempunyai nilai dan sumbangannya yang tersendiri.

## 2. Keputusan Tingkah Laku Migrasi

Berasaskan kepada sorotan literatur berkaitan, keputusan tingkah laku migrasi dicituskan oleh pelbagai faktor. Ini termasuk faktor-faktor dari aspek demografi dan sosio-budaya (faktor personal) seperti taraf keluarga, perkahwinan, dan etnik; dari aspek spatial-ekonomi seperti perumahan yang mampu dimiliki, peluang pekerjaan dan pendapatan dan berdekatan lokasi tempat kerja; dan dari aspek spatial-sosial seperti kejiranan yang selamat, kurang kesibukan dan persekitaran komuniti dan sosial yang harmoni (Walmsley *et al.* 1998; Cushing and Poot, 2004; Rashid, 2010).

Lee (1966) mengkelaskan faktor-faktor ini kepada dua faktor utama: (a) Faktor tolakan, dan (b) Faktor tarikan. Faktor tolakan ialah faktor yang mencetus keputusan tingkah laku migrasi keluar dari kawasan origin, sementara faktor tarikan pula ialah faktor yang mencetus keputusan tingkah laku migrasi masuk ke kawasan destinasi. Sehubungan itu, mana-mana kawasan mempunyai potensi sama ada sebagai kawasan origin dan destinasi migrasi kerana adanya faktor tolakan dan tarikan ini. Situasi ini berlaku kerana setiap individu dan kumpulan manusia di sesuatu kawasan yang terlibat dengan keputusan migrasi mempunyai faktor migrasi yang berbeza. Malah, faktor-faktor migrasi ini saling berhubungkait di dalam menyumbang kepada keputusan migrasi. Dengan kata lain, keputusan migrasi bukan hanya dicetuskan oleh satu faktor malahan pelbagai faktor yang ada keutamaannya tersendiri.

Menurut Lee (1966) juga bahawa adanya satu faktor sebagai penghalang migrasi seperti kos menghadapi migrasi, halangan keluarga dan seumpamanya. Maka dikatakan bahawa migrasi hanya boleh berlaku sekiranya seseorang individu ataupun kumpulan dapat mengatasi faktor halangan ini. Rashid (2010) membuat ilustrasi berasaskan kepada kerja Lee (1966) seperti Rajah 1.



Rajah 1: Keputusan dan penyerakkan migrasi berasaskan kepada faktor keutamaan  
Sumber: Rashid (2010)

Sumbangan setiap faktor kepada keputusan migrasi pula boleh berubah mengikut pembangunan yang dialami oleh sesebuah negara. Di Malaysia khususnya, merujuk kepada hasil kajian Ahmad (1986), Peng (1992), Rostam (2006), dan Rashid (2010), pada tahun 1980-an keputusan migrasi sebahagian besarnya dipengaruhi oleh faktor peluang pekerjaan dan jarak destinasi. Pada tahun 1990-an, ada sedikit perubahan kepada faktor-faktornya iaitu ia sebahagian besarnya dipengaruhi oleh faktor peluang ekonomi moden di bandar, kepesatan pembangunan infrastruktur dan peluang pendidikan.

Pada tahun 2000-an, faktornya lebih kepada untuk memiliki kepuasan dalam kehidupan. Faktor-faktor ini seperti untuk memiliki kediaman sendiri yang dimampui, keadaan kawasan kediaman yang selamat, kurang kesesakan, persekitaran komuniti dan sosial yang harmoni dan seumpamanya. Faktor-faktor ini seterusnya didapati mendorong berlakunya tahap migrasi terbalik yang agak tinggi khususnya dari Metropolitan Kuala Lumpur keluar ke bandar-bandar di pinggir seperti di Petaling Jaya, Subang dan Shah Alam (Rashid, 2010). Buat masa ini, tren migrasi terbalik ini masih berterusan berlaku dan tidak kurang juga ramai migrasi bandar ke luar bandar kerana faktor untuk mendapat kepuasan hidup (Rashid *et al.* 2012).

Berasaskan kepada ini, beberapa faktor keputusan migrasi akan dinilai tahap keutamaan terhadap mempengaruhi keputusan migrasi dan melihat perkaitannya dengan faktor ingin mencapai kepuasan hidup. Secara umumnya, faktor-faktor utama yang dinilai yang dikenal pasti daripada sorotan literatur boleh dikelaskan kepada 2 aspek berikut:

- Faktor spatial-ekonomi – seperti perbezaan gaji, jangkaan pendapatan, peluang pekerjaan, kos migrasi, jarak migrasi, untuk memiliki hartanah, dan persekitaran; dan
- Faktor spatial-sosial – seperti peluang pendidikan, jaringan pengangkutan dan perhubungan moden, keluarga, sokongan sosial, kemudahan prasarana, dan norma dan nilai.


### 3. Metodologi

#### 3.1 Data

Penelitian ini melibatkan data daripada 178 responden yang disoal selidik. Mereka ini terdiri daripada ketua isi rumah migran. Ada juga responden diambil daripada kalangan ahli isi rumah migran apabila ketua isi rumah tiada semasa soal selidik dibuat ataupun status isi rumah adalah rumah bujang (tidak berkeluarga). Cara ini boleh diterima pakai di dalam kajian tingkah laku migrasi (DeJong and Fawcett, 1981).

Teknik persampelan atau cara pemilihan sampel pula adalah menggunakan pakai teknik persampelan pelbagai-peringkat (multi-stage sampling) bersama teknik sistematik. Teknik pelbagai-peringkat digunakan untuk penentuan kawasan-kawasan persampelan, manakala teknik sistematik diguna pakai bagi pemilihan unit sampel bagi setiap kawasan persampelan.

Responden daripada isi rumah yang bukan migran tidak diambil kira di dalam penelitian kertas kerja ini. Status migrasi bagi penelitian ini mencakupi migrasi dari luar yang masuk ke Wilayah Lembah Klang dan migrasi yang berlaku di antara kawasan Pihak Berkuasa Tempatan di Wilayah Lembah Klang. Kawasan persampelan mencakupi kawasan Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA), Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) dan Majlis Perbandaran Kajang (MPKj) seperti Rajah 2.



Rajah 2: Taburan kawasan persampelan di Wilayah Lembah Klang

#### 3.2 Kaedah Analisis Keutamaan Faktor

Penelitian terhadap keutamaan faktor keputusan migrasi adalah berasaskan kepada indek mudah yang dihitung daripada jumlah mod jawapan responden. Melalui kaedah ini, responden dibenarkan membuat pemilihan terhadap semua pilihan jawapan (faktor keputusan migrasi) yang dibangunkan. Oleh itu, faktor-faktor yang mendapat pilihan yang tinggi akan memperolehi nilai indek menghampiri 1 dan sebaliknya faktor yang tidak dipilih akan memperolehi nilai 0.

### 4. Analisis dan Keputusan

#### 4.1 Latarbelakang Responden

Berikutan sasaran responden ialah ketua keluarga, maka sebahagian besarnya ialah lelaki (64.7%) dan perempuan (35.3%). Dari segi etnik pula, Melayu yang tertinggi (87.9%), diikuti oleh Cina dan India masing-

masing sebanyak 10.3% dan 1.7%. Mereka ini majoritinya dari kumpulan umur 35-44 tahun (56.0%, diikuti kumpulan umur 45-54 (20.7%), 25-34 (16.4%) dan >55 tahun sebanyak 6.9%.

Dari segi status perkahwinan, 79.9% adalah sudah berkahwin dan 7.7% bujang. Selebihnya iaitu 1.1% dan 0.5% mewakili bercerai dan janda. Dari segi pendidikan, sebahagian besar responden adalah terdiri daripada lulusan Diploma dan lebih tinggi sebanyak 65.9%.

Dengan kelayakan akademik yang tinggi, sebahagian besar responden terlibat di dalam jenis pekerjaan bertaraf profesional iaitu 44.8%, diikuti dengan pekerjaan kelas kedua (12.1%), perkeranian dan pembuatan 11.5% dan lain-lain pekerjaan termasuk pencen, pelajar dan suri rumah (20.9%). Mereka ini ramai terlibat dengan sektor swasta (42.6%) diikuti sektor kerajaan (23.1%), dan bekerja sendiri (11.5%).

Dari segi pendapatan pula, purata pendapatan responden ialah RM4,300 sebulan. Jumlah ini disumbang sebahagian besar oleh jumlah pendapatan > RM5,001 iaitu sebanyak 21.7%. Jumlah purata pendapatan isi rumah pula mencecah RM8,400 sebulan yang disumbang terbesar oleh jumlah pendapatan isi rumah RM5,001-RM10,000 sebanyak 53.3%.

Berasaskan kepada ciri-ciri responden yang dikemukakan ini menunjukkan bahawa responden terdiri daripada pembuat keputusan keluarga (ketua keluarga), pelbagai kumpulan umur dan pelbagai lapisan di dalam masyarakat. Maka, sudah tentu ciri-ciri ini boleh membantu menguatkan hasil penelitian nanti.

#### 4.2 Faktor Keutamaan Keputusan Migrasi

Berasaskan kepada kaedah indeks mudah seperti yang dinyatakan di atas, penemuan faktor keutamaan keputusan migrasi boleh ditunjukkan pada Jadual 1.

Jadual 1: Faktor keputusan migrasi mengikut keutamaan

Faktor tingkah laku keputusan migrasi	Indek	Rank
Keh diaman mampu dimiliki	0.97	1
Kawasan kediaman baru	0.95	2
Kos kehidupan yang dimampui	0.94	3
Berdekatan dengan tempat kerja	0.93	4
Keadaan persekitaran fizikal yang baik	0.91	5
Persekitaran komuniti dan sosial yang harmoni	0.90	6
Berdekatan tempat pendidikan anak-anak	0.88	7
Tiada kesesakan	0.87	8
Faktor demografi dan sosio-budaya	0.83	9
Peluang pekerjaan/ pendapatan lebih baik	0.74	10
Kawasan di luar pusat bandar besar	0.70	11

Keutamaan faktor pada Jadual 1 menunjukkan bahawa faktor-faktor berkaitan usaha memperoleh kepuasan kehidupan menjadi pendorong utama kepada keputusan migrasi di kalangan responden. Penemuan ini seiring dengan kajian terdahulu oleh Rostam (2006), malahan memperincikan lagi faktor-faktor keputusan migrasi. Faktor keputusan migrasi utama ialah untuk mendapatkan kediaman yang mampu dimiliki dengan nilai indeks menghampiri 1 iaitu 0.97. Diikuti dengan faktor untuk menduduki kediaman di kawasan pembangunan baru (0.95), kawasan yang menawarkan kos hidup yang lebih dimampui (0.94), berdekatan dengan tempat kerja (0.93) dan seterusnya seperti ditunjukkan pada Jadual 1.

Penemuan lain yang agak menarik ialah faktor berkaitan demografi dan sosio-budaya, dan peluang pekerjaan iaitu masing-masing 0.83 dan 0.74. Situasi ini menunjukkan bahawa tingkah laku migrasi ini amat dekat dengan kehidupan harian manusia. Malahan semua lapisan di dalam masyarakat tidak boleh mengelak dari terdedah kepada keputusan migrasi terutamanya untuk mengubah taraf hidup dan mencapai kepuasan di dalam kehidupan.

Selalunya, migrasi dari luar bandar ke bandar bertujuan mengubah taraf hidup, sementara itu migrasi di antara bandar atau bandar ke luar bandar adalah untuk mencapai kepuasan hidup. Oleh kerana penelitian ini adalah terhadap migran di bandar, maka penemuannya menunjukkan bahawa faktor-faktor utama keputusan migrasi adalah berkait rapat dengan faktor mencapai kepuasan hidup.

Berasaskan kepada penemuan faktor keutamaan ini, adalah dijangkakan bahawa senario migrasi bandar ke bandar dan migrasi bandar ke luar bandar khususnya di Wilayah Lembah Klang dan di Malaysia amnya akan berterusan di masa depan. Ini seiring dengan kedudukan Malaysia yang sedang menuju negara maju. Di negara maju seperti di Jepun pun turut masih mengalami migrasi sebegini tetapi pada kadar migrasi yang sangat rendah, sesuai dengan kadar pertumbuhan penduduknya yang menghampiri sifar.

## KESIMPULAN

Kertas kerja ini telah merumuskan faktor-faktor utama yang mendorong keputusan tingkah laku migrasi. Didapati faktor-faktor ini ada perkaitannya yang amat jelas dengan hasrat individu atau kumpulan masyarakat untuk meningkatkan kepuasan hidup seperti untuk memiliki kediaman sendiri yang dimampui, kediaman baru dan tempat baru, menikmati kehidupan dengan kos sara hidup yang dimampui, berdekatan dengan tempat kerja, persekitaran fizikal dan komuniti serta sosial yang harmoni dan sebagainya. Selain itu, migrasi ini bukan sekadar menjadi fenomena spatial di bandar, malahan di mana sahaja boleh wujudnya migrasi. Ia tidak boleh disekat sepertimana proses pemandaran yang berlaku secara berterusan. Masing-masing manusia sama ada bersifat individu ataupun berkumpulan terdedah kepada keputusan migrasi untuk mengubah taraf hidup mahupun untuk meningkatkan lagi kepuasan kehidupan. Oleh kerana penelitian ini dibuat di bandar maka faktor-faktor utamanya cenderung menunjukkan tujuan migrasi adalah untuk mencapai kepuasan hidup. Walaupun begitu, adalah tidak mudah menjangkakan hasrat sebenar migrasi lebih-lebih lagi untuk menentukan penyerakan potensi migrasi di bandar mahupun di luar bandar. Ia memerlukan kajian yang lebih spesifik dan fokus. Fenomena migrasi ini perlu difahami oleh pengubal polisi dan perancangan pembangunan supaya pembangunan di masa depan dapat memenuhi keperluan migrasi sama ada di kawasan bandar mahupun kawasan luar bandar. Sehubungan itu, pengkajian terhadap migrasi khususnya di Malaysia, masih sangat relevan walaupun tidak ramai pengkaji yang memberi tumpuan kepada bidang ini terutamanya berkaitan migrasi dalaman.

Kajian lanjut berkaitan migrasi yang boleh dijalankan termasuklah kajian untuk memahami faktor tingkah laku migrasi mengikut etnik dan taraf lapisan masyarakat, faktor berlaku migrasi terbalik dari bandar ke luar bandar di mana menjadi tren migrasi masa ini, dan kesan signifikan migrasi terhadap masyarakat setempat secara lebih spesifik.

## RUJUKAN

Ahmad, S. (1986). *Rural-urban migration and regional policy in Peninsular Malaysia: A case study of Klang Valley region*. Unpublished PhD Thesis, Sheffield.

Cushing, B., & Poot, J. (2004). Crossing boundaries and borders: Regional science advances in migration modelling. *Regional Science*, 83, 317-338.

Dang, N. A. (2003). Internal migration policies in the ESCAP region. *Asia-Pacific Population Journal*, 18(3), 27-40.

DeJong, G. F., & Fawcett, J. T. (1981). Motivating for migration: An assessment and value-expectancy research model. In G. F. DeJong & R. W. Gardner (Eds.), *Migration decision making: Multidisciplinary approaches to micro-level studies in developed and developing countries* (pp. 13-58). USA: Pergamon Press.

Guest, P. (1994). The impact of population change on the growth of mega-cities. *Asia-Pacific Population Journal*, 9(1), 37-56.

Israel, G. D. (2003a). *Determining sample size*. Florida: Institute of Food and Agricultural Sciences, University of Florida.

Lee, E. S. (1966). A theory of migration. *Demography* (3), 47-57.

Peng, T. N. (1992). *Migration decision-making and family linkages: A case study of Klang Valley, Malacca, and Johore Bharu*. Paper presented at the Colloquium "Population Movement, Economic Development and Family Change", University of Malaya, Kuala Lumpur.

Rashid, M. F. A., & Ghani, I. A. (2007). *Migrasi dan kemiskinan bandar: Suatu kajian literatur*. Paper presented at the PKPPM, Pulau Pinang.

Rashid, M.F.A. (2010). Spatial modelling for distribution of migration potential in Klang Valley Region. *Unpublished PhD. Thesis*, Universiti Teknologi MARA, Shah Alam.

Rashid, M.F.A. & Ghani, I.A. (2011). The importance of internal migration in urban planning process: The case study of Klang Valley. *International Journal of Social Planning and Development*. 1(1):1-12.

Rashid, M.F.A, Mat Zin, M.R, & Haron, N. (2012). Pola dan penyerakan migrasi di negeri Perak dari 1980-2000 dan penelitian awal implikasinya. Prosiding *International Conference on Innovation and Technology for Sustainable Built Environment (ICITSBE)*, UiTM (Perak).

Rostam, K. (2006). Migrasi keluar dari dalam wilayah metropolitan: Bukti di pinggiran wilayah metropolitan Lembah Klang, Malaysia. Paper presented at the UKM-UNHAS, Ujung Padang, Indonesia.

Skeldon, R. (1997). Rural-to-urban migration and its implications for poverty alleviation. *Asia-Pacific Population*, 12(1), 3-16.

Skeldon, R. (1998). Urbanisation and migration in the ESCAP region. *Asia-Pacific Population Journal*, 13(1), 3-24.

Walmsley, D. J., Epps, W. R., & Duncan, C. J. (1998). Migration to the New South Wales North Coast 1986-1991: Lifestyle motivated counter-urbanisation. *Geoforum*, 29(1), 105-118.